



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Aras 12-14 Blok A

Menara Kinabalu

Jalan Sulaman, Teluk Likas

88400 KOTA KINABALU

Tel.: 088-368600, 368601



**Bil. JPAN:** 700-1/1/14 (83)

Tarikh : 15 Februari 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Semua Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR),  
KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT MELEBIHI 160 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI  
CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN DAN KEBENARAN PENEBUSAN  
PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)**

Dengan hormatnya merujuk mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan, pengumpulan cuti rehat oleh sebab desakan Perkhidmatan yang diperuntukkan melalui Peraturan 152 Bahagian IV, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.6/2004, Bil.2/2009 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2018 dan Bil.4/2018 telah dikeluarkan bagi tujuan pemberian award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada penjawat awam Kerajaan Negeri Sabah.

3. Dimaklumkan bahawa bagi menghargai jasa anggota perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi peningkatan maksimum Gantian Cuti Rehat (GCR) yang boleh dikumpul sebanyak 160 hari dan kebenaran penebusan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) sebanyak 80 hari dilaksanakan mulai Januari 2022 selaras dengan pengumuman Kerajaan melalui Belanjawan 2022, Peraturan-Peraturan Pencen (Pindaan) 2022 yang telah dibuat melalui Warta Kerajaan Persekutuan pada 14 Januari 2022 dan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA/PEN/228/15/2(26) bertarikh 26 Januari 2022.

JPANS: 700-1/1/14 (83)  
Tarikh: 15 Februari 2022

---

4. Peraturan, syarat, kaedah pengumpulan, perkiraan dan prosedur permohonan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang diperuntukkan dalam Peraturan 152 Bahagian IV, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.6/2004, Bil.2/2009 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2018 dan Bil.4/ 2018 hendaklah dibaca bersama dengan surat edaran ini.

5. Untuk memastikan pelaksanaan pemberian gantian cuti rehat (GCR) ini adalah teratur, pindaan-pindaan perenggan dan perenggan baharu yang dibuat adalah seperti berikut :

i. **Pindaan pada perenggan 1 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2 /2009**

“...peningkatan maksimum Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas yang boleh dikumpul untuk pemberian wang tunai sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada **160 hari...**”

ii. **Pindaan pada perenggan 1 di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2018**

“...membenarkan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dikumpul melebihi 160 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan...”

iii. **Di bawah surat edaran ini :**

Proses permohonan dan pembayaran penebusan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) sebanyak 80 hari dilaksanakan di peringkat Kementerian/ Jabatan. Manakala, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) akan bertindak sebagai agensi yang meluluskan permohonan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian/Jabatan. Pegawai berjawatan tetap dan sementara yang memilih Skim Pencen / Skim KWSP layak memohon penebusan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

JPANS: 700-1/1/14 ( 83 )  
Tarikh: 15 Februari 2022

---

- a) pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) sebanyak 80 hari boleh dibuat **sekali sahaja sepanjang perkhidmatan pegawai;**
- b) Tempoh perkhidmatan **tidak kurang daripada 15 tahun;**
- c) Telah mencapai **umur 45 tahun** semasa permohonan dibuat;
- d) Jumlah **Gantian Cuti Rehat (GCR)** terkumpul sekurang-kurangnya 80 hari yang telah disemak dan dikemaskini berdasarkan pekeliling perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa;
- e) **Bebas** daripada prosiding jenayah atau tindakan tatatertib; dan
- f) Mendapat **perakuan daripada Ketua Jabatan.**


6. Pindaan-pindaan perenggan dalam pekeliling yang berkuat kuasa dan syarat peraturan di bawah surat edaran ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.

7. Tertakluk kepada penerimaan dan pemakaian oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK (DATU) ROSMADI DATU SULAI, JP)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

**“SABAH MAJU JAYA”**